

**BERITA ONLINE
ASTRO AWANI
TARIKH : 01 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**



Malaysia mampu jadi hab pengeluaran vaksin - PM

Abdul Hakim Rahman

November 1, 2021 12:26 MYT



ISMAIL SABRI: Melalui pelaksanaan PPVN dan penubuhan MGVI ini, modal insan berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang penyelidikan terutamanya yang berkaitan dengan kesihatan dan vaksin akan dapat dilahirkan. -Astro AWANI

KUALA LUMPUR: Malaysia mampu mencorak laluan dalam pengeluaran produk vaksin sendiri yang berkualiti, berkesan dan selamat mengikut syarat ditetapkan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), sekali gus menjadi hab pengeluar vaksin.

Ia dapat dilaksanakan melalui Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN) dan penubuhan Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI).

Menurut Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, ia juga dapat meningkatkan keyakinan terhadap penggunaan vaksin selain dapat memberi kesan positif daripada sudut ekonomi, sosial dan teknologi.

"Melalui pelaksanaan PPVN dan penubuhan MGVI ini, modal insan berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang penyelidikan terutamanya yang berkaitan dengan kesihatan dan vaksin akan dapat dilahirkan.

"Walaupun pembangunan R&D dan penghasilan vaksin ini merupakan suatu pelaburan yang tinggi, tetapi ia berpotensi memberikan pulangan jangka panjang buat Keluarga Malaysia melalui penjimatan kos merawat penyakit, selain membawa pelaburan syarikat multinasional ke Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara serta Institut Genom dan Vaksin Malaysia, hari ini.

Turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba; Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Noraini Ahmad.

Tambahnya sebagai langkah awal ke arah itu, beliau berkongsi tiga projek bersedia untuk dilaksanakan melalui PPVN.

"Pertama, dua jenis vaksin COVID-19 menggunakan virus yang dilemahkan (inactivated) dan mRNA yang dibangunkan oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR). Pembangunan vaksin ini akan tertumpu kepada Variant of Concern (VOC) COVID-19 yang terdapat di Malaysia.

Katanya, ia membabitkan peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan iaitu peruntukan penyelidikan Kementerian Kesihatan (KKM) dan Sukuk Prihatin iaitu bantuan khas peruntukan penyelidikan COVID-19 yang berjumlah RM3.5 juta.

"Kedua, vaksin kolera yang dibangunkan hasil kerjasama di antara Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia (AIMST).

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) turut membiayai projek ini menggunakan Dana Penyelidikan Strategik (SRF).

"Ia membabitkan sebanyak RM10.5 juta bertajuk '*Development of Mucosal/Oral/Subunit Vaccines Against Cholera, Tuberculosis and COVID-19*'.

"Ketiga, projek '*Pre-clinical Evaluation of A Therapeutic Cancer Vaccine for The Treatment of Head and Neck Cancer*' oleh Cancer Research Malaysia (CRM) berjumlah RM3 juta yang dibiayai MOSTI.

"Bagaimanapun, memandangkan tiada kemudahan ujian klinikal iaitu *first in human* di Malaysia lagi pada ketika ini, maka CRM akan menjalankan ujian klinikal bermula Februari 2022 hingga Mac 2023 di United Kingdom (UK)," katanya.